

PKR perlu usaha berganda halang gerakan jatuhkan PM

Penganalisis politik berpandangan parti utama dalam Kerajaan Perpaduan kini dalam kedudukan lemah

Oleh NURHIDAYAH HAIROM
SHAH ALAM

Parti Keadilan Rakyat (PKR) selaku parti utama dalam Kerajaan Perpaduan kini dalam kedudukan lemah dan memerlukan usaha berganda agar mampu menjadi benteng lebih utuh untuk menghalang sebarang gerakan menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Profesor Sains Politik Universiti Putra Malaysia, Datuk Profesor Dr Jayum Jawan berkata, PKR perlu memikat semua pihak

bagi menjamin kelangsungan parti itu agar dapat terus memerintah.

Ini kerana, pada hakikatnya, cubaan menjatuhkan kepimpinan Anwar boleh berlaku bila-bila masa kerana kurangnya majoriti dari dalam parti utama dan Kerajaan Perpaduan perlu sentiasa berwaspada.

"Kerajaan Perpaduan tidak stabil kerana kurang sokongan Melayu Semenanjung yang merupakan majoriti penduduk Malaysia atau Semenanjung – kuasa duduk pada tangan orang Melayu Semenanjung berdasarkan demografi politik.

"Kedua, kerana kestabilan sementara kuasa Kerajaan Perpaduan dan Anwar duduk pada sokongan UMNO atau BN (Barisan Nasional) kerana dengan sokongan UMNO, maka separuh Melayu Semenanjung berada dengan Anwar dan separuh lagi berada di bawah Tan Sri Muhyiddin Yassin (Pengerusi Perikatan Nasional) dan Tan Sri Abdul Hadi Awang (Presiden Pas).

"Keadaan ini memang mengundang perubahan pada bila-bila masa. Beberapa sokongan dapat ditarik pembangkang, maka Kerajaan Perpaduan sudah goyang dan kedudukan PM Anwar akan turut terjejas. Kerajaan Perpaduan dan Kepimpinan Anwar Ibrahim bagaikan telur berada di hujung tanduk," katanya kepada *Sinar Harian*.



JAYUM

Pada Jumaat, akhbar ini melaporkan mengenai pendekahan dibuat Ahli Parlimen Gerik daripada PN, Fathul Huzir Ayob yang mendakwa masih ada usaha pihak tertentu termasuk individu dikenali sebagai Datuk Rahim yang mendekati dan memujuk ahli-ahli Parlimen pembangkang supaya mengisyiharkan sokongan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mengulas lanjut, Jayum berkata, cubaan jatuh menjatuhkan kerajaan dan parti pemerintah ialah permainan politik dan kuasa yang sudah menjadi satu kebiasaan di pentas tersebut.

Katanya, hal itu bukan suatu yang jahat, atau tidak baik kerana proses politik ialah mencari terbaik dalam hal pemerintahan atau kerajaan, kepimpinan dan kebertanggungjawaban mereka yang memerintah.

"Apakah ini tidak baik? Sepatutnya perkara ini amat baik kerana ketua parti pemerintahan perlu berkompromi dengan semua bukan menggunakan kuasa dominan seperti parti pemerintahan dahulu yang terlalu kuat sehingga mereka tidak pedulikan suara dan kepentingan orang lain," katanya.

Menurutnya, selagi wujud ketidakstabilan majoriti daripada parti utama yang mampu mengundang perubahan, ia akan terus menghantui serta mengganggu Kerajaan Perpaduan dan Anwar.

"Ini hakikat politik di mana-mana, bukan unik kepada Malaysia. Malaysia merasakan semua ini politik merosakkan kerana Malaysia tidak pernah berhadapan dengan keadaan seperti ini, iaitu parti pemerintahan tidak mempunyai sokongan majoriti sendiri," ujarnya.



Laporan *Sinar Harian* pada Jumaat.